



## Konsep Feminisme Barat yang Ditolak oleh Paradigma Islam dalam Filem "Perempuan Berkalung Sorban"

### Refuting the Concept of Western Feminism in the Film "Woman with Turban"

Humaira Abdul Aziz<sup>1</sup>, Nurhasma Muhammad Saad<sup>2</sup>

#### Article Info

<sup>1</sup>(Corresponding Author), Faculty of Major Language Studies, Islamic Science University of Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: [humairabdulaziz@gmail.com](mailto:humairabdulaziz@gmail.com)

Article history:

Received: 30/08/2023

Accepted: 02/10/2023

Published: 30/10/2023

DOI:

[https://doi.org/10.33102/alazkiya\\_a60](https://doi.org/10.33102/alazkiya_a60)

<sup>2</sup> Senior Lecturer, Faculty of Major Language Studies, Islamic Science University of Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: [nurhasma@usim.edu.my](mailto:nurhasma@usim.edu.my)

#### ABSTRAK

Ideologi feminism bermula daripada golongan barat sejak tahun 1700-an, ia berpunca daripada pemahaman ajaran Kristian. Feminisme merupakan suatu gerakan sosial yang bertujuan untuk menolak golongan patriarki dan ketidaksamaan wanita. Oleh itu, muncul pelbagai gerakan feminism antaranya sosialis, radikal, liberal, teologi dan kultural. Walau bagaimanapun, isu ideologi feminism ini telah ditolak dari sudut pandangan Islam. Hal ini kerana, Islam sangat menitikberatkan hak-hak wanita berdasarkan ayat al-Quran dan Hadis Nabi SAW. Oleh itu, hasil dapatan daripada filem "Perempuan Berkalung Sorban" telah memberi impak kepada penonton bahawa hak-hak wanita telah diperjuangkan sejak zaman Nabi SAW. Setiap watak Anissa yang dilakonkan telah menunjukkan perjuangan seorang wanita dalam mendapatkan hak asasi yang agak mengikut acuan feminism barat. Walau bagaimanapun, perbincangan ini bertujuan untuk membentangkan pendapat dari sudut pandangan Islam menolak ideologi feminism barat berdasarkan filem "Perempuan Berkalung Sorban".

**Kata Kunci:** Feminisme, Islam, Barat, Perempuan Berkalung Sorban

## **ABSTRACT**

The ideology of feminism started from the west since the 1700s, by Christianity teachings. Feminism is a social group that aims to reject patriarchy and women's inequality. Therefore, various movements of feminism has since emerged including the socialists, radicalists, liberalists, theologists and culturalists. However, the ideological issue of feminism has been rejected from an Islamic's perspective. This is because of Islam places great emphasis on women's rights based on the verses of the Quran and the Hadith of the Prophet SAW. Therefore, the findings from the film "Woman with Turban" give an impact on the audience that women's rights have been fought for by Islam since the time of the Prophet SAW. Anissa's character showed the battle of a woman in getting basic human (women) rights. However, this discussion aims to present an Islamic opinion in denying western feminism views based on the movie "Woman with Turban".


**Keywords :** *Feminism, Islam, Western, Woman with Turban*

## **PENGENALAN**

Feminisme merupakan suatu gerakan sosial yang bertujuan untuk menolak golongan patriarki dan ketidaksamaan wanita. Manakala skop teori sastera feminisme adalah suatu tindakan besar untuk memajukan wanita dan bersama taraf terhadap lelaki dalam bidang sastera (Javeed, 2017). Feminisme barat muncul disebabkan pemberontakan dan kemarahan terhadap ketidakadilan malah ia disalurkan secara halus dan senyap sehingga mengetepikan fitrah manusia (Muammar, 2019). Tambahan pula, definisi feminisme adalah bagi menuntut persamaan hak sama rata melalui pembentukan gerakan feminisme sosialis, radikal, liberal, teologi dan kultural (Dawarn, Nafatya & Nikmatul, 2015).

Antara pengkaji yang menyokong teori ini ialah Marie Le Jars de Gourney, Christine Piza, Olympe de Gouges, Mary Wollstonecraft dan Hedwig. Pada awalnya, masyarakat tidak dapat menerima teori ini kerana mereka mempercayai bahawa lelaki berhak untuk menetapkan kehidupan seorang wanita. Oleh itu, pada tahun 1792, Mary Wollstonecraft telah menerbitkan buku "A Vindication of the Rights of Woman" untuk menyangkal teori tersebut (Zembat, 2017).

Terdapat tiga jenis teori feminisme yang telah dibincangkan oleh Karl Thompson (2023) dari laman *ReviseSociology*. Rajah di bawah akan menerangkan secara ringkas tentang teori beliau:



### **Rajah 1. Teori Feminisme**

Di dalam penerangan ini, teori feminism yang telah disebutkan oleh Karl Thompson adalah Feminisme Liberal. Ia wujud disebabkan berlaku diskriminasi menghalang wanita daripada mendapat peluang yang sama rata. Kemudian, Yoga, Akhmad dan Dahri (2018) juga berpendapat bahawa Feminisme Liberal bertujuan mewujudkan masyarakat yang adil dan bebas dalam membuat pilihan.

Seterusnya teori Feminisme Radikal pula bermaksud penghapusan sistem patriarki secara menyeluruh. Ia disebabkan, pemikiran teori tersebut mempercayai bahawa Feminisme Liberal tidak melakukan penghapusan secara menyeluruh terhadap penindasan wanita (Henri, 2016). Teori yang terakhir sekali adalah Feminisme Marxisme. Ia merupakan golongan yang mempercayai konsep ketidakadilan antara jantina dan akan dimansuhkan (Karl, 2023). Feminisme Marxisme berhubungkait dengan sistem kapitalisme. Antara usaha Feminisme Marxisme adalah membuka peluang kepada kaum wanita untuk melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi (n.a. 2013).

Terakhir sekali adalah Feminisme Sosialis yang tidak disebut pada Rajah 1. Akan tetapi, teori tersebut wujud dalam filem "Perempuan Berkalung Sorban" yang bermaksud membebaskan wanita dan mengubah sistem patriarki dan kapitalisme (n.a. 2013).

## **PANDANGAN ISLAM TERHADAP FEMINISME BARAT**

Menurut Nuril Hidayati (2018) dalam artikel jurnal berjudul "Teori feminism: Sejarah, Perkembangan dan Relevansinya dengan Kajian Keislaman Kontemporer" adalah setiap masalah yang terkait dalam kehidupan, memerlukan pemahaman yang mantap dalam penafsiran atau teks agama. Digalakkan untuk meneliti dan mengulang kajian terhadap kitab-kitab klasik yang berkaitan. Kemudian, perjuangan wanita dalam

merebut kekuasaan daripada golongan patriarki bukan hanya muncul dari dunia nyata malah ia tergambar jelas daripada karya-karya sastera di Indonesia (Muzakka, 2017). Setiap hukum akan berubah berdasarkan situasi semasa, yang dibenarkan oleh pakar hukum Islam atau metodologi hukum Islam (Paizah, 2003).

Khalif Muammar dan Adibah Muhtar (2019) menyatakan dalam artikel jurnal "Konsep Kesetaraan Gender Menurut Perspektif Islam dan Barat" bahawa konsep feminism Islam tidak wujud, ia berlaku disebabkan salah tafsiran oleh kelompok Pseudo-Salafi. Hubungkait antara konsep feminism dan watak utama pada filem tersebut untuk mendapatkan hak asasi yang diperjuangkan sejak dahulu lagi.

## **SINOPSIS FILEM PEREMPUAN BERKALUNG SORBAN**

Filem ini mengisahkan Anissa yang berasal daripada keluarga berlatar belakang golongan agamawan. Bapanya merupakan seorang kiai di sebuah pesantren. Dari zaman kanak-kanak, Anissa sentiasa dilayan secara tidak adil kerana jantina. Sewaktu itu, Anissa dilarang untuk berkuda seperti abang-abangnya dan Anissa merasakan setiap perkara yang ingin dilakukannya sering dihalang. Kemudian, bapa saudara Anissa (Khudori) merupakan seorang yang prihatin dengan sering memberi galakan kepada Anissa untuk menunjukkan sudut kekuatan wanita yang sebenar di dunia luar.

Ketika meningkat dewasa, Khudori memberi dorongan kepada Anissa untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Akan tetapi, bapanya (Anissa) tidak membenarkan, malah dipaksa berkahwin dengan Samsudin atas tujuan memajukan pesantren. Dalam perkahwinannya, Anissa tidak bahagia bersama suaminya kerana dia merupakan isteri yang kedua. Samsudin pula, menunjukkan sikap tidak patut dicontohi untuk isteri-isterinya. Sebagai contoh, memaksa isteri pertama melayannya ketika sarat mengandung. Anissa memutuskan untuk bercerai dengan Samsudin.

Setelah bapa Anissa meninggal dunia disebabkan sakit jantung, Anissa memutuskan untuk menjelajahi dunia luar yang merupakan impiannya dari dahulu lagi. Pelbagai situasi yang telah dihadapi olehnya. Maka, dia menjadikan pengalaman itu sebagai pengajaran untuknya supaya menjadi seorang wanita Muslim yang baik seperti yang diinginkan oleh ibu dan bapanya.

## **METODOLOGI**

Kajian ini berbentuk penyelidikan kualitatif. Filem "Perempuan Berkalung Sorban" telah dianalisis melalui kerangka teori feminism yang merangkumi feminism liberal, radikal, marxisme dan sosialis. Melalui analisis tematik, lima tema utama telah dikenal pasti iaitu 1) hak wanita bersukan, 2) hak Wanita sebagai ketua, 3) hak wanita untuk bersuara, 4) hak wanita untuk menuntut ilmu dan 5) kepentingan kebersihan. Kesemua tema ini dibincangkan berdasarkan babak dalam filem tersebut.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 1) Hak Wanita Bersukan (Berkuda)

Babak	Masa
Umi melarang Anissa menunggang kuda, ia dikatakan sukan tersebut merupakan tidak sesuai dilakukan oleh wanita. Anissa juga turut dimarahi oleh Abi dan abangnya.	00.02.50 – 00.05.17

Melalui filem “Perempuan Berkalung Sorban” yang menunjukkan konsep feminism liberal pada babak pertama adalah ketika “*Umi melarang Anissa menunggang kuda, ia dikatakan sukan tersebut merupakan tidak sesuai dilakukan oleh wanita. Anissa juga turut dimarahi oleh Abi dan abangnya*”. Babak ini dapat dilihat apabila Anissa dilarang menunggang kuda. Sedangkan umi dan ayahnya memberi kebebasan kepada abang-abangnya untuk melakukan aktiviti berkuda.

Melalui laman utama Mufti Wilayah Persekutuan (2016):

عَلِمُوا أَوْلَادُكُمُ الرِّمَاءِ وَرَكْوبُ الْحَيْلِ وَالسِّبَاخَةِ

Maksudnya: “Ajarlah anak-anak kamu memanah, menunggang kuda dan juga berenang”.

Hadis diatas merupakan hadis daif yang mengatakan bahawa ia merupakan daripada kata-kata Umar bin al-Khattab bukannya hadis Nabi SAW. Akan tetapi terdapat suatu hadis SAW yang dapat menyokong kata-kata diatas. Daripada ‘Ur wah bahawa Nabi SAW bersabda :

الْحَيْلُ مَعْفُودٌ فِي نَوَاصِيَهَا الْخَيْرُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

(Riwayat al-Bukhari: 2850)

Maksudnya: “Kuda yang tersimpul pada ubun-ubunnya segala kebaikan sehingga hari Kiamat”.

Hadis Nabi SAW di atas menunjukkan kelebihan yang terdapat daripada seekor kuda untuk berjihad di jalan Allah SWT. Melalui kata-kata Umar al-Khatib dan hadis Nabi SAW boleh dikaitkan di mana setiap aktiviti sukan yang dilaksanakan mempunyai manfaat tersendiri. Aktiviti bersukan juga amat digalakkan untuk menjadi seorang mukmin yang kuat dan cergas.

Daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ، حَيْرٌ وَأَحْبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ

(Riwayat Muslim: 2664)

Maksudnya: "Orang Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dikasih oleh Allah SWT daripada Mukmin yang lemah".

Tuntasnya, difahami bahawa memiliki tubuh badan yang sihat merupakan sunnah dan dituntut dalam Islam tanpa mengira jantina (Mushfique, 2016).

## 2) Hak Wanita untuk Menjadi Seorang Ketua

Babak	Masa
Ustaz memilih lelaki sebagai ketua kelas sedangkan Anissa mendapat undian yang tertinggi di dalam kelas. Bapanya berpendapat bahawa perempuan tidak layak menjadi seorang pemimpin dan Anissa juga tidak diberi kesempatan untuk bersuara	00.08.11 – 00.18.06

Seterusnya babak kedua yang menunjukkan teori feminism liberal yang dilakukan dalam filem perempuan berkulung sorban adalah "*Ustaz memilih lelaki sebagai ketua kelas sedangkan Anissa mendapat undian yang tertinggi di dalam kelas. Bapanya berpendapat bahawa perempuan tidak layak menjadi seorang pemimpin dan Anissa juga tidak diberi kesempatan untuk bersuara*".

Tengku Fauzan (2022), menerangkan:

"Kepimpinan bukan tentang kedudukan, kuasa dan pengaruh sahaja akan tetapi ia mengenai kemahiran kognitif, keupayaan dan budaya.

Situasi ini bersesuaian dengan ayat al-Quran, di mana Allah SWT berfirman:

﴿الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ إِمَّا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ وَإِمَّا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّالِحَاتُ قَاتِنَاتٌ حَافِظَاتٌ لِلْغَيْبِ إِمَّا حَفِظَ اللَّهُ وَاللَّاتِي تَحَفَّظُنَ شُوَّرُهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ طَفْقَانَ أَطْعَنُكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَنْهُنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْهَا أَكْبَرًا﴾

(Surah an-Nisa: 34)

Maksudnya: "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa juar wajib

dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar”.

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan dan mereka merupakan paling sesuai dan afdhal untuk dijadikan seorang pemimpin. Sebagai contoh, mempunyai pengetahuan yang luas di dalam bidang kemahiran berkomunikasi dan bermotivasi untuk memimpin (Rozita, Hasan & Bahiyah, 2018).

Walau bagaimanapun, terdapat juga kepimpinan perempuan Muslim. Berdasarkan artikel jurnal Anuar Ramli dan Rahimin (n.d) ‘Kepimpinan Perempuan Menurut Perspektif Islam Satu Sorotan’, terdapat kepimpinan perempuan yang berjaya memerintah wilayah, antaranya Ratu Balqis seorang ratu pintar yang terdapat kisah daripada al-Quran. Kemudian, di India wujud pemerintahan Puteri Radiyah Begum Jalal al-Din dan ramai lagi.

Berdasarkan situasi Anissa di atas dapat disimpulkan bahawa, Islam adalah agama yang mudah. Setiap perkara yang berlaku pasti terdapat hukum yang telah ditetapkan berdasarkan situasi dan tempat yang sesuai.

### 3) Hak Wanita untuk Bersuara

Babak	Masa
Anissa dipaksa berkahwin bersama lelaki yang tidak dicintai. Dia juga tidak diberi kesempatan untuk melanjutkan pelajaran tinggi seperti abang-abangnya.	00.27.34 – 00.31.23

Babak seterusnya, menggunakan teori feminism liberal di mana “*Anissa dipaksa berkahwin bersama lelaki yang tidak dicintai. Dia juga tidak diberi kesempatan untuk melanjutkan pelajaran tinggi seperti abang-abangnya*”. Anissa dipaksa berkahwin dengan pilihan ayahnya yang bertujuan untuk perniagaan semata-mata. Jika Anissa tidak membantu ayahnya dalam perkara ini, pesantren ayahnya pasti tidak berkembang seperti kini.

Melalui laman utama Jabatan Mufti Negeri Perlis (2020), telah menerangkan tentang “Pernikahan Anak Perempuan Tanpa Rela”. Kenyataan tersebut telah mendapat pelbagai hujahan dan pendapat Islam tentang perkahwinan paksa antaranya:

1. Menurut Imam Shafie, bapa atau wali mujbir dibenarkan mengahwinkan anak gadisnya tanpa meminta persetujuannya.
2. Dr Yusuf al-Qardawi menolak pendapat membolehkan bapa memaksa anak Perempuan berkahwin.

3. Menurut Hadis Nabi saw:

**أَنَّ جَارِيَةً بِكُرْبَأً أَتَتِ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَذَكَرْتُ: أَنَّ أَبَاهَا زَوْجَهَا وَهِيَ كَارِهَةٌ، فَحَيَّرَهَا الْنِّيَّ**

(Sunan Abu Daud: 2096 dan Sunan Ibn Majah: 1875, dinilai sahih oleh al-Albani).

Maksudnya: "Seorang gadis dara datang kepada Nabi SAW memberitahu bahawa bapanya mengahwinkannya sedangkan dia tidak suka, maka Nabi SAW memberikan pilihan kepadanya (sama ada untuk meneruskan atau menolaknya)

4. Dalam hadis lain yang Riwayat al-Bukhari dan Muslim, Nabi SAW bersabda:

**لَا تُنْكِحُ الْأَيْمَنَ حَتَّى تُسْتَأْمَرَ ، وَلَا تُنْكِحُ الْبِكْرَ حَتَّى تُسْتَأْذَنَ**

(Sahih al-Bukhari: 5136)

Maksudnya: "Jangan dikahwinkan janda sehingga mendapat arahannya (dia meminta) dan jangan dikahwinkan anak dara sehingga diminta keizinannya".

Ditegaskan bahawa sifat keterbukaan amat penting dalam menilai pandangan-pandangan agama walaupun daripada mazhab yang digunakan. Di sini dapat diulaskan bahawa setiap hukum yang telah ditetapkan akan berubah berdasarkan situasi. Menurut Dr Yusuf al-Qardawi, Imam Shafie juga sering mengubah pendapat berdasarkan situasi yang sesuai.

#### 4) Hak Wanita dalam Menuntut Ilmu

Babak	Masa
Abi melarang Anissa melanjutkan pelajarannya ke peringkat tinggi. Hal ini kerana, tiada mahram.	00.20.21 – 00.05.17

Berikut merupakan adegan yang diperjuangkan oleh Anissa dimana "*Abi melarangnya menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi kerana tiada mahram*". Dan pada waktu yang sama, Anissa dipaksa berkahwin dengan pasangan yang tidak dicintainya. Keadaan ini menunjukkan Abi Anissa seorang patriarki. Patriarki bermaksud lelaki berkuasa dan wanita sentiasa berada di bawah. Secara umum, sistem ini telah digunakan di Indonesia dan demikian posisi wanita tidak boleh melebihi posisi lelaki. Di negara lain juga telah menggunakan sistem ini iaitu Amerika, sehingga wanita belum pernah lagi menjadi seoang pemimpin (Nurmila, 2015).

Tambahan pula, apabila dilihat bahawa ibu kepada Anissa melalui nasib yang sama sepertinya di mana tidak dapat mencapai impian disebabkan halangan oleh suaminya. Rasulullah SAW bersabda :

لَا يَجِدُ لِأَنْوَارٍ تُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ تُسَافِرُ مَسِيرَةً يَوْمٍ إِلَّا مَعَ ذِي مَحْرَمٍ

(Muwatta Malik: 1803)

Maksudnya: "Tidak boleh bagi seorang perempuan yang beriman dengan Allah dan hari akhirat untuk bermusafir sejauh sehari perjalanan kecuali bersamanya ada mahram".

Hadis diatas menegaskan bahawa untuk bermusafir bagi wanita perlu ada mahramnya, akan tetapi dalam situasi Anissa, ia boleh mencari inisiatif lain dengan menggantikan abangnya sebagai mahram tanpa dipaksa berkahwin. Hal ini kerana, lokasi tempat belajar Anissa tidak jauh dari rumahnya.

Alasan Islam tidak membenarkan wanita bermusafir tanpa mahram adalah untuk menjaga keselamatan dan mengelak daripada timbulnya fitnah. Namun begitu, sebahagian daripada pendapat ulama membenarkan para wanita menuntut ilmu tanpa mahram sekiranya perjalanan tersebut diyakini aman dan selamat (Shahrurizam, 2019).

## 5) Kepentingan Menjaga Kebersihan

Babak	Masa
Pelajar asrama wanita diarah menyusun selipar pelajar asrama lelaki	00.42.18

Akhir sekali adalah, situasi para pelajar perempuan dipaksa untuk menyusun selipar pelajar lelaki di masjid pada minit ke 00.42.18. Ini menunjukkan sikap yang tidak wajar dilakukan di dalam madrasah. Hal ini kerana ia merupakan tanggungjawab individu dalam perkara sebegini. Sebagaimana ia disebutkan dalam al-Quran;

﴿وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَى فَاعْتَرُلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهَرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأُثْوِرْنَ مِنْ حَيْثُ أَمْرَكُمُ اللَّهُ أَنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْتَّوَبَةَ بَيْنَ وَيْحَدُ الْمُتَطَهِّرِينَ﴾

(Surah al-Baqarah: 222)

Maksudnya: "Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah: "Darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat". Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri".

Melalui ayat diatas dapat dilihat bahawa Allah tidak menetapkan tugas tertentu sama ada lelaki maupun perempuan untuk menjaga kebersihan. Ia adalah tugas individu (Novita, 2021). Menjaga kebersihan merupakan tanggungjawab individu bukan berdasarkan posisi maupun kedudukan. Islam sangat mementingkan isu menjaga kebersihan. Ia melambangkan simbol kemajuan suatu tempat.

## KESIMPULAN

Mengangkat sebuah filem berunsur Islam adalah amat penting untuk dijadikan contoh dan teladan kepada masyarakat luar. Ini adalah salah satu cara untuk mengajak mereka mengenali agama Islam, sebagai contoh filem "Perempuan Berkalung Sorban". Terdapat beberapa teori feminism liberal yang telah ditonjolkan. Contohnya, halangan dalam bersukan, menuntut ilmu dan menyuarakan pandangan. Babak di atas yang diperjuangkan ini tidak bercanggah dengan agama Islam berdasarkan al-Quran dan hadis Nabi SAW.

Kesimpulannya didapati bahawa masyarakat yang tidak berfikiran terbuka sukar untuk menerima pandangan orang lain. Sikap keterbukaan perlu ada dalam diri seseorang pemimpin. Dengan adanya sikap tersebut mudah untuk menerima pandangan dan buah fikiran daripada sesiapa sahaja sama ada lebih muda daripadanya atau sebaliknya. Segala permasalahan ekonomi, pelanggaran hak asasi manusia bukanlah penghalang kepada wanita untuk membuktikan kekuatan mereka. Ia terbukti berdasarkan al-Quran dan Hadis Nabi SAW di atas. Justeru sikap keterbukaan perlu dipupuk untuk mengubah dunia ke arah lebih maju sekaligus terdirinya masyarakat yang berfikiran bestari.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Asri, M. (2020). *Menikahkan anak perempuan tanpa rela*. Jabatan Mufti Negeri Perlis. Diakses pada 20 September, 2023, daripada: <https://muftiperlis.gov.my/index.php/minda-mufti/279-menikahkan-anak-perempuan-tanpa-rela>

Dawarn, M., Nafatya, N. & Nikmatul, M. (2015). Relevansi pemikiran feminis Muslim dengan feminis barat. *SAWWA*, 11(1), 96-107.

Fauzan, T. (2022). *The feminism issues on 'Perempuan Berkalung Sorban's' movie and novel from an Islamic perspective*. Research Gate. Retrieved 19 September, 2023, from: [https://www.researchgate.net/publication/359924021\\_THE\\_FEMINISM\\_ISSUES\\_ON\\_PEREMPUAN\\_BERKALUNG\\_SORBAN'S\\_MOVIE\\_AND\\_NOVEL\\_FROM\\_AN\\_ISLAMIC\\_PERSPECTIVE](https://www.researchgate.net/publication/359924021_THE_FEMINISM_ISSUES_ON_PEREMPUAN_BERKALUNG_SORBAN'S_MOVIE_AND_NOVEL_FROM_AN_ISLAMIC_PERSPECTIVE)

- Hidayati, N. (2018). Teori feminism: Sejarah, perkembangan dan relevansinya dengan kelslaman kontemporer. *Jurnal Harkat Media Komunikasi Gender*, 14(1), 22-29.
- Janah, N. (2017). "Telaah buku argumentasi kesetaraan gender perspektif Al-Qur'an karya Nasaruddin Umar". *SAWWA: Jurnal Studi Gender*, 12(2), 167-175.
- Javeed, A. R. (2017). Feminism: An overview. *International Journal of Research*, 4(13), 3372-3376.
- Muammar, K. A. H & Muhtar, A. (2019). Konsep kesetaraan gender menurut perspektif Islam dan barat. *Journal Akidah & Pemikiran Islam*, 21(2), 35-71.
- Mushgique, M. (2016). *Irsyad al-Hadith Siri ke 150 : Memanah, berenang dan berkuda*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Diakses pada 19, September 2023, daripada: <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/1042-irsyad-al-hadith-siri-ke-150-memanah-berenang-dan-berkuda>
- Muzakka, M. (2017). Perjuangan kesetaraan gender dalam karya sastra kajian terhadap novel Perempuan Berkalung Sorban dan Gadis Pantai. *Nusa: Jurnal Ilmu Bahasa Dan Sastra*, 12(3), 30-38.
- n.a. (2005). Terjemahan Al-Quran dalam Bahasa Melayu. Diakses pada 24, September 2023, daripada: <https://www.iium.edu.my/deed/quran/malay/>
- n.a. (2013). Feminisme Marxist dan Sosialis. Slideshare a scribd company. Diakses pada 24 September, 2023, daripada: <https://www.slideshare.net/evinurleni/4-marxist-dan-sosialis>
- n.a. (2017). Perempuan berkalung sorban. Wikipedia Ensikpedia bebas. Diakses pada 24 September, 2023, daripada: [https://ms.wikipedia.org/wiki/Perempuan\\_Berkalung\\_Sorban](https://ms.wikipedia.org/wiki/Perempuan_Berkalung_Sorban)
- Nurmila, N. (2015). Pengaruh budaya patriarki terhadap pemahaman agama dan pembentukan budaya. *Karsa*, 23(1), 1-14.
- Paizah, I. (2003). Status wanita dalam Islam: Antara prinsip syariah dan ijtihad fuqaha. *Jurnal Syariah*, 11(2), 61-72.
- Ramli, A. M. & Rahimin, A. (n.d.). Kepimpinan perempuan menurut perspektif Islam: Satu sorotan. *Jurnal Pengajaran Melayu*, 21(1), 111-119.
- Rozita, I. Muhammad, R. H. & Bahiyah, A. H. (2018). Takrif kepimpinan, ciri- ciri pemimpin dan motivasi untuk memimpin menurut sudut pandang pemimpin wanita akar umbi. *Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara*, 19, 28-41.
- Shahrunizam, M. (2019) . *Bayan Li Al-Haj Siri ke 39 : Hukum seorang wanita menuaikan umrah tanpa mahram*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Diakses pada 19 September, 2023,

dari pada: <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-li-al-haj/3836-bayan-li-al-haj-siri-ke-39-hukum-seorang-wanita-menunaikan-umrah-tanpa-mahram>

Shalahudin, H. (2016). Wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam di institut pengajian tinggi Islam negeri di Indonesia: Kajian kes di Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta. Tesis. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Thompson, K. (2023). Feminist theory: A summary fo A-Level sociology. Retrieved 24, September 2023, from: <https://revisesociology.com/2017/02/03/feminist-theory-summary-sociology/>

Yoga, R. Ahmad, M. & Dahri, D. (2018). Perjuangan tokoh utama dalam novel 'Pelabuhan Terkahir' karya Roidah: Kajian feminism liberal. *Jurnal Ilmu Budaya*, 2(3), 221-228.

Zemba, M. B. (2017). *An analysis of the concept of feminist theory and historical changing and developments of feminism*. Scribd+Slideshare. Retrieved September, 2023, from [https://www.slideshare.net/JoeOsborn4/an-analysis-of-the-concept-of-the-theory-of-feminism-and-historical-changing-and-developments-of-feminism?from\\_action=save](https://www.slideshare.net/JoeOsborn4/an-analysis-of-the-concept-of-the-theory-of-feminism-and-historical-changing-and-developments-of-feminism?from_action=save).